

01/09/1997

Jalur Gemilang simbol patriotik

KUALA LUMPUR, Ahad - Bendera Malaysia yang berkibar megah sejak 40 tahun lalu sememangnya wajar diberi nama Jalur Gemilang sebagai simbol semangat kenegaraan, patriotik dan perjuangan kemerdekaan.

Pemilihan nama itu Gemilang amat tepat kerana mencerminkan semangat juang negara ini mencapai kemerdekaan 40 tahun lalu. Jika kerajaan Indonesia menamakan bendera kebangsaannya, Sang Saka Merah Putih, Britain pula Union Jack, dan Amerika Syarikat, Star Spangle Banner, Malaysia juga memerlukan nama khas yang sedap didengar bagi benderanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan nama bendera itu di hadapan lebih 10,000 rakyat yang berhimpun di Dataran Merdeka, di sini kira-kira jam 11.59 malam semalam, iaitu sejurus sebelum sambutan Hari Kebangsaan dilancarkan.

Sebanyak 42 nama diberi bagi menamakan bendera Malaysia tetapi jawatankuasa dipengerusikan yang Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali, cuma memilih satu nama.

Sepanjang bulan ini, kempen kibar bendera diadakan di seluruh negara bagi meniup semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan masyarakat.

Selain mengibarkannya di rumah, orang ramai turut menghiasi kereta dengan bendera.

(END)